



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

LAPORAN PASARAN HARTA SEPARUH PERTAMA

PROPERTY MARKET REPORT FIRST HALF

2023



JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
VALUATION AND PROPERTY SERVICES DEPARTMENT
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA

LAPORAN PASARAN HARTA
Separuh Pertama 2023

PROPERTY MARKET REPORT
First Half 2023

**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA MALAYSIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

***VALUATION AND PROPERTY SERVICES DEPARTMENT MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA***

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan Malaysia
© Hak Cipta Terpelihara 2023

*Valuation and Property Services Department
Ministry Of Finance Malaysia
© Copyrights Reserved 2023*

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Aras 9, Perbendaharaan 2,
No. 7, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Putrajaya
62592 Putrajaya
Telefon : 03 - 8886 9000
Telefaks : 03 - 8886 9002
Emel : jpph@jpph.gov.my

*Valuation and Property Services Department
Level 9, Perbendaharaan 2,
No. 7, Persiaran Perdana, Precinct 2
Pusat Pentadbiran Putrajaya
62592 Putrajaya
Telephone : 03 - 8886 9000
Telefax : 03 - 8886 9002
E-mail : jpph@jpph.gov.my*

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Aras 7, Perbendaharaan 2,
No. 7, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Putrajaya
62592 Putrajaya
Telefon : 03 - 8886 9000
Telefaks : 03 - 8886 9007
Emel : napic@jpph.gov.my

*National Property Information Centre (NAPIC)
Valuation and Property Services Department
Level 7, Perbendaharaan 2,
No. 7, Persiaran Perdana, Precinct 2
Pusat Pentadbiran Putrajaya
62592 Putrajaya
Telephone : 03 - 8886 9000
Telefax : 03 - 8886 9007
E-mail : napic@jpph.gov.my*

Cawangan-cawangan Jabatan
Penilaian dan Perkhidmatan Harta

*Branch offices of The Valuation and
Property Services Department*

Atur huruf dan kerja seni oleh:
Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

*Typesetting and artwork by:
National Property Information Centre (NAPIC)*

Disclaimer: The information in this report is true and correct at the time of publishing.

KANDUNGAN CONTENTS

GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN HARTA DI MALAYSIA BAGI SEPARUH PERTAMA 2023 overview 1
AN OVERVIEW OF THE MALAYSIAN PROPERTY MARKET IN FIRST HALF 2023

Jadual	I	Penunjuk Utama Ekonomi Malaysia..... overview 29	
Table		<i>Key Indicators of the Malaysian Economy</i>	
	II	Bilangan Transaksi Harta Mengikut Subsektor dan Lingkungan Harga overview 30	
		<i>Number of Property Transactions by Sub-Sector and Price Range</i>	
	III	Nilai Transaksi Harta Mengikut Subsektor dan Lingkungan Harga (RM Juta) overview 32	
		<i>Value of Property Transactions by Sub-Sector and Price Range (RM Million)</i>	
	IV	Bilangan Transaksi Harta Mengikut Negeri dan Tempoh Masa overview 34	
		<i>Number of Property Transactions by State and Time Period</i>	
	V	Nilai Transaksi Harta Mengikut Negeri dan Tempoh Masa (RM Juta)..... overview 37	
		<i>Value of Property Transactions by State and Time Period (RM Million)</i>	
	VI	Bilangan Transaksi Harta Mengikut Kategori Pemberi dan Penerima Pindah Milik overview 40	
		<i>Number of Property Transactions by Category of Transferor and Transferee</i>	
	VII	Nilai Transaksi Harta Mengikut Kategori Pemberi dan Penerima Pindah Milik (RM Juta) overview 42	
		<i>Value of Property Transactions by Category of Transferor and Transferee (RM Million)</i>	
	VIII	Penawaran Unit Kediaman di Malaysia..... overview 44	
		<i>Supply of Residential Units in Malaysia</i>	
	IX	Penawaran Unit Kedai di Malaysia..... overview 45	
		<i>Supply of Shop Units in Malaysia</i>	
	X	Penawaran dan Penghunian Kompleks Perniagaan di Malaysia overview 46	
		<i>Supply and Occupancy of Shopping Complex in Malaysia</i>	
	XI	Penawaran dan Penghunian Pejabat Binaan Khas di Malaysia..... overview 47	
		<i>Supply and Occupancy of Purpose-Built Office in Malaysia</i>	
	XII	Penawaran Unit SOHO di Malaysia overview 48	
		<i>Supply of SOHO Units in Malaysia</i>	
	XIII	Penawaran Unit Pangsapuri Khidmat di Malaysia..... overview 49	
		<i>Supply of Serviced Apartment Units in Malaysia</i>	
	XIV	Penawaran Unit Industri di Malaysia..... overview 50	
		<i>Supply of Industrial Units in Malaysia</i>	
	XV	Bilangan Bilik Hotel overview 51	
		<i>Number of Hotel Rooms</i>	
	XVI	Bilangan & Prestasi Jualan Pelancaran Baru dan Bilangan & Nilai Unit Kediaman yang Tidak Terjual di Malaysia overview 52	
		<i>Number & Sales Performance of New Launches and Number & Value of Unsold Residential Units in Malaysia</i>	
	XVII	Bilangan Unit Kedai yang Tidak Terjual di Malaysia..... overview 53	
		<i>Number of Unsold Shop Units in Malaysia</i>	
	XVIII	Bilangan Unit Industri yang Tidak Terjual di Malaysia overview 54	
		<i>Number of Unsold Industrial Units in Malaysia</i>	
	XIX	Bilangan Unit SOHO yang Tidak Terjual di Malaysia overview 55	
		<i>Number of Unsold SOHO Units in Malaysia</i>	
	XX	Bilangan Unit Pangsapuri Khidmat yang Tidak Terjual di Malaysia..... overview 56	
		<i>Number of Unsold Serviced Apartment Units in Malaysia</i>	
		Catatan Teknikal overview 57	
		Technical Note	

GLOSARI
GLOSSARY

% Pecahan	:	<i>% Breakdown</i>
% Perubahan	:	<i>% Change</i>
"Purata" Semua Rumah	:	<i>"Average" All Houses</i>
Ambilan Ruang	:	<i>Take-up Space</i>
Bandar	:	<i>Town</i>
Berkembar	:	<i>Semi-Detached</i>
Bilangan	:	<i>Number</i>
Bilangan Transaksi	:	<i>Number Of Transactions</i>
Bilangan Unit	:	<i>Number Of Units</i>
Blok Pejabat/Lot Pejabat	:	<i>Office Block/Office Lot</i>
Durian	:	<i>Durian</i>
Dusun	:	<i>Orchard</i>
Fasa	:	<i>Phase</i>
Getah	:	<i>Rubber</i>
Harga Purata	:	<i>Average Price</i>
Hektar	:	<i>Hectare</i>
Indeks Harga Semua Rumah	:	<i>All House Price Index</i>
Indeks Keyakinan Perniagaan	:	<i>Business Condition Index</i>
Industri	:	<i>Industrial</i>
Jenis	:	<i>Type</i>
Juta	:	<i>Million</i>
Kadar Ambilan	:	<i>Take-Up Rate</i>
Kadar Asas Pinjaman (BLR)	:	<i>Base Lending Rate (BLR)</i>
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	:	<i>Overnight Policy Rate (OPR)</i>
Kadar Penghuni Purata (pejabat/kompleks perniagaan)	:	<i>Average Occupancy Rate (office/shopping complex)</i>
Kadar Penginapan Purata (hotel)	:	<i>Average Occupancy Rate (hotel)</i>
Kadar Pinjaman Purata (ALR)	:	<i>Average Lending Rate (ALR)</i>
Kadar Pulangan Kasar Purata	:	<i>Average Gross Yield</i>
Kadar Serapan	:	<i>Absorption Rate</i>
Kawasan Sekunder Pusat Bandar	:	<i>Central Town Secondary Area</i>
Kawasan Sekunder Pinggir Bandar	:	<i>Suburban Secondary Area</i>
Kawasan Utama Pusat Bandar	:	<i>Central Town Prime Area</i>
Kawasan Utama Pinggir Bandar	:	<i>Suburban Prime Area</i>
Kedai	:	<i>Shop</i>
Kedai Industri	:	<i>Industrial Shop</i>
Kedai Sebelum Perang	:	<i>Pre-war Shop</i>
Kedai Tanpa Inap	:	<i>Lock-up Shop</i>
Kediaman	:	<i>Residential</i>
Kedudukan/lokasi	:	<i>Location</i>
Kelapa	:	<i>Coconut</i>
Kelapa Sawit	:	<i>Oil Palm</i>
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)	:	<i>Gross Domestic Product (GDP)</i>
Kilang Berkembar/Gudang	:	<i>Semi-Detached Factory/Warehouse</i>

GLOSARI GLOSSARY

Kilang Sesebuah/Gudang	: <i>Detached Factory/Warehouse</i>
Kilang Teres/Gudang	: <i>Terraced Factory/Warehouse</i>
Koko	: <i>Cocoa</i>
Kompleks	: <i>Complex</i>
Kompleks Industri/Unit	: <i>Industrial Complex/Unit</i>
Kompleks Perniagaan	: <i>Shopping Complex</i>
Kondominium	: <i>Condominium</i>
Kopi	: <i>Coffee</i>
Ladang	: <i>Estate</i>
Lingkungan Harga	: <i>Price Range</i>
Lingkungan Sewa Sebulan	: <i>Rental Range Per Month</i>
Lot Niaga Di Dalam Kompleks Perniagaan	: <i>Retail Lot In Shopping Complex</i>
Luas Lantai Purata	: <i>Average Floor Area</i>
Luas Tanah Purata	: <i>Average Land Area</i>
m.p. (Meter Persegi)	: <i>s.m. (Square Meter)</i>
Nilai	: <i>Value</i>
Nilai Pindah Milik	: <i>Value of Transactions</i>
Padi	: <i>Paddy</i>
Padi Dua Kali Setahun	: <i>Double Cropping Paddy</i>
Padi Sekali Setahun	: <i>Single Cropping Paddy</i>
Pajakan	: <i>Lease</i>
Pangsapuri	: <i>Apartment</i>
Paras Ambang	: <i>Threshold Level</i>
Pasaran Sewa	: <i>Rental Market</i>
Pecahan Lot	: <i>Subdivision of Lot</i>
Pedalaman	: <i>Interior</i>
Penawaran Akan Datang	: <i>Incoming Supply</i>
Penawaran Baru Dirancang	: <i>New Planned Supply</i>
Penawaran Dalam Perancangan	: <i>Planned Supply</i>
Penghunian (pejabat/kompleks perniagaan)	: <i>Occupancy (office/shopping complex)</i>
Penginapan (hotel)	: <i>Occupancy (hotel)</i>
Perniagaan/Perdagangan/Komersial	: <i>Commercial</i>
Pertanian	: <i>Agricultural</i>
Perubahan % Dari Tahun Ke Tahun	: <i>Year on Year % Change</i>
Perubahan Harga Purata	: <i>Average Price Change</i>
Perubahan Sewaan Purata	: <i>Average Rental Change</i>
Plot Kosong	: <i>Vacant Plot</i>
Plot Perniagaan	: <i>Commercial Plot</i>
Prestasi Jualan	: <i>Sales Performance</i>
Rumah Bandar	: <i>Townhouse</i>
Rumah Berkelompok/Kluster	: <i>Cluster House</i>
Rumah Kos Rendah	: <i>Low-Cost House</i>
Rumah Pangsa	: <i>Flat</i>
Rumah Pangsa Kos Rendah	: <i>Low-Cost Flat</i>

GLOSARI GLOSSARY

Saiz Sampel	:	<i>Sample Size</i>
Sayur-sayuran	:	<i>Vegetable</i>
Sesebuah	:	<i>Detached</i>
Sewa	:	<i>Rent</i>
Sewaan	:	<i>Rental</i>
Sewaan Tingkat Bawah Kedai	:	<i>Rentals of Ground Floor Shop</i>
Skim Perumahan Bertingkat Tinggi	:	<i>High-Rise Residential Schemes</i>
Skim Perumahan Konvensional	:	<i>Conventional Housing Schemes</i>
Stabil	:	<i>Stable</i>
Stok Sedia Ada	:	<i>Existing Stock</i>
Tahun Siap (dibina)	:	<i>Year of Completion</i>
Taman Perindustrian Ringan	:	<i>Light Industrial Park</i>
Tanah Adat Melayu	:	<i>Malay Customary Land</i>
Tanah Kampung	:	<i>Kampung Land</i>
Tanah Kosong	:	<i>Vacant Land</i>
Tanah Pembangunan	:	<i>Development Land</i>
Tanah Rezab Melayu	:	<i>Malay Reservation Land</i>
Tarif	:	<i>Tariff</i>
Tembakau	:	<i>Tobacco</i>
Tempoh Kajian	:	<i>Review Period</i>
Tempoh Sebelumnya/Sebelum ini	:	<i>Preceding Period</i>
Tempoh Yang Sama Tahun Lalu	:	<i>Corresponding Period</i>
Teres	:	<i>Terraced</i>
Berkelompok/Kluster	:	<i>Cluster</i>
Tidak Didefinasikan (ND)	:	<i>Not Definable (ND)</i>
Tidak Boleh Dipindah Milik	:	<i>Not Transferable</i>
Tidak Diperolehi (NA)	:	<i>NA (Not Available)</i>
Tingkat Bawah	:	<i>Ground Floor</i>
Tingkat Bawah Tanah	:	<i>Lower Ground Floor</i>
Trend / Aliran	:	<i>Trend</i>
Trend / Aliran Menaik	:	<i>Upward Trend</i>
Trend / Aliran Menurun	:	<i>Downward Trend</i>
Belum Dibina Belum Terjual	:	<i>Unsold Not Constructed</i>
Dalam Pembinaan Belum Terjual	:	<i>Unsold Under Construction</i>
Mula Dibina	:	<i>Starts</i>
Siap Dibina	:	<i>Completion</i>
Siap Dibina Tidak Terjual	:	<i>Overhang</i>

GAMBARAN KESELURUHAN *OVERVIEW*

1.0 GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN HARTA TANAH

Ekonomi Malaysia berkembang sederhana 2.9% pada Q2 2023 (Q1 2023: 5.6%), disebabkan terutamanya oleh permintaan luaran yang lebih perlahan. Permintaan domestik kekal sebagai pendorong utama pertumbuhan, disokong oleh penggunaan swasta dan pelaburan. Pertumbuhan yang disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang terus bertambah baik, perbelanjaan isi rumah yang terus meningkat dan aktiviti pelancongan yang lebih baik mengimbangi pertumbuhan eksport barangan yang lebih perlahan. Pertumbuhan pada suku kedua juga dipengaruhi oleh kesan asas yang tinggi pada suku kedua tahun 2022 apabila ekonomi mencatatkan pertumbuhan yang kukuh berikutan kesan pembukaan semula ekonomi dan langkah-langkah dasar.

Walaupun keadaan kewangan dan ekonomi global yang mencabar, pasaran harta tanah masih teguh dengan mencatat sedikit penurunan dalam aktiviti pasaran pada separuh pertama tahun 2023 (H1 2023) berbanding tempoh yang sama tahun lalu (H1 2022).

1.0 OVERVIEW OF THE PROPERTY MARKET

The Malaysian economy expanded moderately by 2.9% in Q2 2023 (Q1 2023: 5.6%), weighed mainly by slower external demand. Domestic demand remained the key driver of growth, supported by private consumption and investment. The growth which supported by continued improvement in labour market conditions, continued increase in household spending and higher tourism activities offset the slower goods export growth. Growth during the quarter was also affected by the high base effect in the second quarter of 2022 when economy experienced strong growth from reopening effects and policy measures.

Despite the challenging global financial and economic environment, the property market managed to stay poised and posted a marginal softening in market activity in the first half of 2023 (H1 2023) compared to the same period last year (H1 2022).

Table 1 – Percentage Change from Corresponding Quarter of Preceding Year

Year	2021	2022	Q1 22	Q2 22	Q3 22	Q4 22	Q1 2023	Q2 2023
GDP (% yoy)	3.1%	8.7%	5.0%	8.9%	14.2%	7.0%	5.6%	2.9%

Source: Department of Statistics Malaysia

Pelbagai inisiatif yang digariskan di bawah Bajet 2023 oleh kerajaan telah membantu merangsang aktiviti pasaran harta tanah. Inisiatif tersebut adalah:

1. Pengecualian penuh duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah kediaman pertama berharga sehingga RM500,000 oleh warganegara Malaysia kekal sehingga 31 Disember 2025.
2. Kenaikan pelepasan duti setem daripada 50% kepada 75% untuk pembelian hartanah kediaman pertama berharga antara RM500,000 hingga RM 1 juta oleh warganegara Malaysia dan hanya terpakai untuk perjanjian jual beli yang disempurnakan sehingga 31 Disember 2023.
3. Pengecualian penuh duti setem sehingga RM1 juta dan 50% pelepasan duti setem bagi amaun selebihnya bagi pindah milik harta secara kasih sayang antara ahli keluarga (bapa kepada anak dan datuk kepada cucu).
4. Peruntukan RM460.2 juta untuk pembinaan rumah baharu dan ubah suai rumah di kawasan luar bandar.
5. Peruntukan RM389.5 juta akan disalurkan kepada Program Perumahan Rakyat.
6. Peruntukan RM358 juta untuk pembinaan rumah mampu milik di bawah program Rumah Mesra Rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad.

Various initiatives outlined under the revised Budget 2023 by the government to a certain extent helped to spur property market activities. These are:

1. *Full stamp duty exemption on instrument of transfer and loan agreement for the purchase of the first residential home priced up to RM500,000 by Malaysia citizens remained until 31 December 2025.*
2. *Increase of stamp duty remission from 50% to 75% for the purchase of the first residential properties priced between RM500,000 to RM 1 million by Malaysian citizens and applicable for sale and purchase agreements executed until 31 December 2023.*
3. *Full stamp duty exemption up to RM1 million and 50% stamp duty remission for the remaining balance on transfers of property by way of love and affection between family members (father to child and grandfather to grandson).*
4. *Allocation of RM460.2 million for the building of new homes and home renovations in rural areas.*
5. *Allocation of RM389.5 million will be channelled to the People's Housing Programme.*
6. *Allocation of RM358 million for the construction of affordable homes under Rumah Mesra Rakyat programme by Syarikat Perumahan Negara Berhad.*

¹ BNM Economic and Financial Developments in Malaysia in the Second Quarter of 2022

7. Peruntukan RM462 juta untuk pembinaan 23,000 rumah di bawah Projek Perumahan Awam Malaysia.
8. Meningkatkan jaminan sehingga RM5 bilion melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dalam membantu pekerja gig seperti pekerja e-hailing dalam mendapatkan pembiayaan rumah sehingga RM500,000.

Kadar Dasar Semalaman (OPR) dinaikkan sebanyak 25 mata asas kepada 3.0% pada Mei 2023 selepas dinaikkan sebanyak empat kali sebanyak 100 mata asas terkumpul kepada 2.75% pada 2022. Bagaimanapun, kadar ini masih di bawah kadar sebelum Covid iaitu 3.25% seperti pada Mac 2019. Dengan prospek pertumbuhan dalam negeri yang terus berdaya tahan, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) menilai bahawa pelarasan dibuat pada masa yang tepat untuk terus mengembalikan tahap akomodasi monetari ke paras yang wajar. Pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan terus menyokong pertumbuhan ekonomi.

Dari segi permintaan, trend bercampur juga dilihat dalam indikator permintaan harta kediaman dan harta bukan kediaman. Jumlah pinjaman yang dipohon untuk pembelian harta kediaman menurun 5.8% berbanding H1 2022 tetapi pinjaman yang diluluskan pula meningkat sedikit sebanyak 1.7%. Namun begitu, situasi berbeza bagi harta bukan kediaman di mana, pinjaman yang dipohon dan diluluskan untuk tujuan ini menunjukkan peningkatan masing-masing 28.0% dan 24.3%.

Indeks Sentimen Pengguna (CSI) yang dianalisis oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) kekal dalam aliran menurun pada Q2 2023 pada 90.8 mata (Q1 2023: 99.2; Q4 2022: 105.3), di bawah ambang 100 mata yang menunjukkan tahap keyakinan. Menurut MIER, apabila responden menunjukkan pesimisme tentang pekerjaan masa depan, pendapatan dan inflasi, rancangan perbelanjaan mereka juga kelihatan lebih rendah. Begitu juga, Indeks Keadaan Perniagaan (BCI) juga menurun pada Q2 2023 pada 82.4 mata (Q1 2023: 95.4; Q4 2022: 85.9). Ini mungkin menunjukkan bahawa firma merasakan ketidakpastian global yang berterusan akan terus memberi kesan negatif kepada perniagaan mereka dalam tempoh terdekat.

7. Allocation of RM462 million for the construction of 23,000 houses under Projek Perumahan Awam Malaysia.
8. Increase the guarantees of up to RM5 billion via Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) in assisting gig workers such as e-hailing workers in obtaining home financing up to RM500,000.

The Overnight Policy Rate (OPR) was increased by another 25 basis points to 3.0% in May 2023 after it was raised a total of four times by a cumulative 100 basis points to 2.75% in 2022. However, this figure was still below the pre-Covid rate of 3.25% seen in March 2019. With the domestic growth prospects remained resilient, the Monetary Policy Committee (MPC) judges that the adjustment was made timely to further normalise the degree of monetary accommodation. At the current OPR, the monetary policy stance is slightly accommodative and remains supportive of the economy.

On the demand-side, mixed trends are also seen in the indicators of residential and non-residential property demand. The amount of loans applied for the purchase of residential property decreased by 5.8% as compared to H1 2022 but the approved loan increased marginally by 1.7%. However, the situation differs for non-residential property where loans applied and approved for this purpose indicate an increase of 28.0% and 24.3% respectively.

The Consumer Sentiment Index (CSI) tracked by the Malaysian Institute of Economic Research (MIER) continued its downtrend in Q2 2023 at 90.8 points (Q1 2023: 99.2; Q4 2022: 105.3), below the threshold of 100 points which indicates optimism. According to MIER, as respondents exhibited pessimism about future jobs, incomes and inflation, their spending plans also appear to be lower. Similarly, the Business Conditions Index (BCI) also decreased in Q2 2023 at 82.4 points (Q1 2023: 95.4 ; Q4 2022: 85.9). This may indicate that firms feel the ongoing global uncertainties will continue to negatively impact their business in the near term.

Table 2 - OPR Decision

Date	Change in OPR (%)	New OPR Level (%)
7-Sep-23	0	3.00
6-Jul-23	0	3.00
3-May-23	0.25	3.00
9-Mar-23	0	2.75
19-Jan-23	0	2.75
3-Nov-22	0.25	2.75
8-Sep-22	0.25	2.50
6-Jul-22	0.25	2.25
11-May-22	0.25	2.00
3-Mar-22	0	1.75
20-Jan-22	0	1.75
3-Nov-21	0	1.75
9-Sep-21	0	1.75
8-Jul-21	0	1.75
6-May-21	0	1.75
4-Mar-21	0	1.75
20-Jan-21	0	1.75
3-Nov-20	0	1.75
10-Sep-20	0	1.75
7-Jul-20	-0.25	1.75
5-May-20	-0.50	2.00
3-Mar-20	-0.25	2.50
22-Jan-20	-0.25	2.75

Source: Bank Negara Malaysia

Table 3 - Loan Application and Loan Approval for Purchase of Residential Property

Purchase of Residential					
Year	Loan Application (RM Million)	Loan Approval (RM Million)	% Change Loan Application	% Change Loan Approval	Approval Application %
H1 2014	113,572.12	57,677.59	-1.1	4.7	50.8
H1 2015	105,088.95	52,805.82	-7.5	-8.4	50.2
H1 2016	105,114.20	41,442.29	0.0	-21.5	39.4
H1 2017	116,420.80	48,512.88	10.8	17.1	41.7
H1 2018	113,233.68	48,688.11	-2.7	0.4	43.0
H1 2019	127,119.01	53,937.10	12.3	10.8	42.4
H1 2020	96,445.53	32,841.42	-24.1	-39.1	34.1
H1 2021	179,427.35	63,250.01	86.0	92.6	35.3
H1 2022	235,732.86	92,381.92	31.4	46.1	39.2
H1 2023	222,032.06	93,949.40	-5.8	1.7	42.3

Source: Bank Negara Malaysia

Notes:

New data updated by BNM from 2022 onwards in accordance with the latest data definition and requirement. The new application and approval data will be based on real-time application and approval during the month, irrespective of time lag or application withdrawal by customer in the same month. Though higher growth recorded but the growth trends remain broadly similar.

Table 4 - Loan Application and Loan Approval for Purchase of Non-Residential Property

Purchase of Non-Residential					
Year	Loan Application (RM Million)	Loan Approval (RM Million)	% Change Loan Application	% Change Loan Approval	Approval Application %
H1 2014	51,704.92	24,552.86	-12.9	-3.2	47.5
H1 2015	49,388.50	21,752.95	-4.5	-11.4	44.0
H1 2016	39,501.36	15,569.61	-20.0	-28.4	39.4
H1 2017	42,061.22	14,240.12	6.5	-8.5	33.9
H1 2018	48,308.15	15,215.82	14.9	6.9	31.5
H1 2019	47,225.88	18,689.75	-2.2	22.8	39.6
H1 2020	30,098.74	9,932.77	-36.3	-46.9	33.0
H1 2021	45,941.15	15,786.50	52.6	58.9	34.4
H1 2022	58,701.35	29,658.89	27.8	87.9	50.5
H1 2023	75,139.82	36,869.22	28.0	24.3	49.1

Source: Bank Negara Malaysia

Notes:

New data updated by BNM from 2022 onwards in accordance with the latest data definition and requirement. The new application and approval data will be based on real-time application and approval during the month, irrespective of time lag or application withdrawal by customer in the same month. Though higher growth recorded but the growth trends remain broadly similar.

2.0 AKTIVITI PASARAN HARTA

Aktiviti pasaran harta tanah merekodkan sebanyak 184,140 transaksi bernilai RM85.37 bilion, turun 2.1% dalam bilangan tetapi meningkat sedikit sebanyak 1.1% dalam nilai berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Daripada jumlah transaksi tersebut, sebanyak 32.1% (59,090) dan 63.6% (117,129) telah dipindah milik masing-masing pada tahun 2022 dan 2023 manakala peratusan bahagian selebihnya merupakan pindah milik pada tahun sebelumnya.

Prestasi aktiviti pasaran sektoral menurun sedikit: kediaman (-1.0%), perindustrian (-2.5%) dan pertanian (-12.4%) dengan pengecualian subsektor perdagangan dan tanah pembangunan, masing-masing meningkat sebanyak 16.0% dan 1.4%.

Dari segi nilai transaksi, subsektor kediaman dan pertanian merekodkan penurunan masing-masing sebanyak 1.8% dan 17.7%, manakala subsektor perdagangan, perindustrian dan tanah pembangunan mencatatkan sebaliknya, masing-masing meningkat sebanyak 19.5%, 1.8% dan 7.3%.

Subsektor kediaman menerajui keseluruhan pasaran harta tanah, dengan sumbangan 62.4%. Ini diikuti oleh subsektor pertanian (19.8%), perdagangan (9.6%), tanah pembangunan dan lain-lain (6.2%) dan industri (2.0%). Dari segi nilai, kediaman mendahului dengan 52.5% syer, diikuti oleh perdagangan (19.6%), industri (12.8%), pertanian (8.3%) serta tanah pembangunan dan lain-lain (6.8%).

2.0 PROPERTY MARKET ACTIVITY

Property market activity recorded a total of 184,140 transactions worth RM85.37 billion, down by 2.1% in volume but increased slightly by 1.1% in value against corresponding period. From the total transactions, 32.1% (59,090) and 63.6% (117,129) were transfers dated in 2022 and 2023 respectively while the remaining percentage share was for prior years' transfers.

Sectoral market activity performance declined marginally: residential (-1.0%), industrial (-2.5%) and agriculture (-12.4%) with the exception of commercial and development land sub-sector, which increased by 16.0% and 1.4% respectively.

In terms of value of transactions, residential and agriculture sub-sector recorded a decrease of 1.8% and 17.7% respectively, whereas commercial, industrial and development land sub-sector recorded otherwise, increased by 19.5%, 1.8% and 7.3% respectively.

The residential sub-sector led the overall property market, with 62.4% contribution. This was followed by agriculture sub-sector (19.8%), commercial (9.6%), development land and others (6.2%) and industrial (2.0%). In terms of value, residential took the lead with 52.5% share, followed by commercial (19.6%), industrial (12.8%), agriculture (8.3%) and development land and others (6.8%).

Chart 1

Overall Volume of Transactions H1 2019 – H1 2023




Chart 2

Overall Value of Transactions H1 2019 – H1 2023




Chart 3

Contribution to Transaction Volume by Sub-sector H1 2023





Chart 4


Contribution to Transaction Value by Sub-sector H1 2023



2.1 Harta Kediaman

Transaksi

Terdapat 114,973 transaksi bernilai RM44.78 bilion yang dicatatkan dalam tempoh kajian, menurun sedikit sebanyak 1.0% dalam bilangan dan 1.8% bagi nilai tahun ke tahun. Pasaran sekunder membentuk 79.4% (91,318 transaksi) daripada jumlah transaksi kediaman manakala pasaran utama (pembelian daripada pemaju) membentuk 20.6% (23,655 transaksi). Prestasi mengikut negeri adalah bercampur-campur. Semua negeri mencatatkan bilangan transaksi yang lebih rendah kecuali Johor, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah yang mencatatkan peningkatan dalam aktiviti pasaran masing-masing sebanyak 39.9%, 14.6%, 4.3% dan 3.2% mengimbangi penurunan keseluruhan. Empat negeri utama iaitu Pulau Pinang, WP Kuala Lumpur, Johor dan Selangor membentuk sebanyak 50% daripada jumlah kediaman nasional.



Pelancaran Baharu


Pasaran primer menyaksikan unit pelancaran baharu yang lebih rendah pada separuh pertama tahun ini, menggambarkan sentimen berhati-hati di kalangan pemaju. Terdapat 16,545 unit dilancarkan, menurun sebanyak 50.2% berbanding 33,205 unit (disemak semula) pada H1 2022. Berbanding H2 2022, pelancaran baharu lebih rendah sebanyak 20.9% (H2 2022: 20,913 unit). Prestasi jualan pelancaran baharu mencatat 32.2%, meningkat berbanding H1 2022 (disemak semula 14.6%) tetapi sedikit merosot berbanding H2 2022 (36.8%).

Johor mencatatkan pelancaran baharu tertinggi di negara ini, menguasai hampir 25.9% (4,286 unit) daripada jumlah nasional dengan prestasi jualan pada 34.5%. Selangor mencatat jumlah kedua tertinggi (2,978 unit, 18.0% syer) dengan prestasi jualan pada 38.6%. Pulau Pinang di tempat ketiga (1,632 unit, 9.9% syer) dengan prestasi jualan pada 64.0%.

2.1 Residential Property

Transaction

There were 114,973 transactions worth RM44.78 billion recorded in the review period, decreased slightly by 1.0% in volume and 1.8% in value year-on-year. Secondary market formed 79.4% (91,318 transactions) of the total residential transactions while primary market (purchase from developers) formed 20.6% (23,655 transactions). States' performances were mixed. All states recorded lower market volume except Johor, Negeri Sembilan, Perlis and Kedah which recorded an increase in market activity by 39.9%, 14.6%, 4.3% and 3.2% respectively offset the overall decline. The four major states namely Pulau Pinang, WP Kuala Lumpur, Johor and Selangor formed about 50% of the total national residential volume.



New Launches


The primary market saw fewer new launches in the first half of the year, reflecting the cautionary sentiment among developers. There were 16,545 units launched, down by 50.2% against 33,205 units (revised) in H1 2022. Against H2 2022, the new launches were lower by 20.9% (H2 2022: 20,913 units). Sales performance for new launches recorded at 32.2%, higher compared to H1 2022 (revised 14.6%) but slightly lower compared to H2 2022 (36.8%).

Johor recorded the highest number of new launches in the country, capturing nearly 25.9% (4,286 units) of the national total with sales performance at 34.5%. Selangor recorded the second highest number (2,978 units, 18.0% share) with sales performance at 38.6%. Penang came third (1,632 units, 9.9% share) with sales performance at 64.0%.

Rumah teres mendominasi pelancaran baharu. Teres satu tingkat (3,489 unit) dan 2-3 tingkat (4,795 unit) secara kolektif menyumbang 50.1% daripada jumlah keseluruhan dengan prestasi jualan 49.1%, diikuti oleh unit kondominium/pangsapuri pada 31.0% syer (5,126 unit) dengan prestasi jualan 27.8%.

Terraced houses dominated the new launches. Single storey (3,489 units) and 2-3 storey (4,795 units) together contributed 50.1% of the total units with sales performance at 49.1%, followed by condominium/apartment units at 31.0% share (5,126 units) with sales performance at 27.8%.

Chart 7
New Launches & Sales Performance H1 2021 – H1 2023



Status Pasaran

Pada separuh tahun pertama 2023, keadaan kediaman siap dibina tidak terjual bertambah baik dengan bilangannya yang berkurangan. Sebanyak 26,286 unit siap dibina tidak terjual bernilai RM18.30 bilion dicatatkan, menunjukkan penurunan masing-masing 5.3% dan 0.6% di dalam jumlah dan nilai masing-masing berbanding H2 2022. Begitu juga, unit kediaman dalam pembinaan belum terjual menyaksikan penurunan 4.9% kepada 54,844 unit berbanding H2 2022 (57,649 unit).

Johor mengekalkan bilangan siap dibina tidak terjual tertinggi dalam negara dengan 4,717 unit bernilai RM4.00 bilion, menyumbang 17.9% dan 21.9% dalam jumlah dan nilai daripada jumlah nasional. Selangor di tempat kedua tertinggi dengan 16.4% syer (4,307 unit; RM4.09 bilion), dan diikuti oleh Perak dengan 12.7% syer (3,333 unit; RM0.99 bilion).

Kondominium / pangsapuri membentuk 58.3% (15,336 unit) daripada jumlah nasional siap dibina tidak terjual, diikuti oleh teres (23.9%; 6,289 unit). Lingkungan harga mewah melebihi RM500,000 merupakan penyumbang terbesar, membentuk 47.9% (12,581 unit) daripada jumlah siap dibina tidak terjual. Harga RM300,000 dan ke bawah menyumbang 26.8% (7,036 unit) manakala RM300,001 hingga RM500,000 membentuk 25.4% (6,669 unit).

Market Status

In the first half of 2023, the residential overhang situation improved as the numbers reduced. A total of 26,286 overhang units worth RM18.30 billion was recorded, showing a decrease of 5.3% and 0.6% in volume and value respectively against H2 2022. Likewise, the unsold under construction residential units saw a decrease of 4.9% to 54,844 units compared to H2 2022 (57,649 units).

Johor retained the highest number of overhang in the country with 4,717 units worth RM4.00 billion, accounting to 17.9% and 21.9% in volume and value respectively of the national total. Selangor ranked second with 16.4% share (4,307 units; RM4.09 billion), and followed by Perak with 12.7% share (3,333 units; RM0.99 billion).

Condominium/apartment formed 58.3% (15,336 units) of the national overhang, followed by terraced (23.9%; 6,289 units). The high-end price range at more than RM500,000 took up the largest share, accounting for 47.9% (12,581 units) of total overhang. Those priced at RM300,000 and below accounted for 26.8% (7,036 units) while RM300,001 to RM500,000 took up 25.4% (6,669 units).

Chart 8

Residential Market Status H1 2021 – H1 2023





Chart 9

Residential Overhang, Unsold Under Construction and Not Constructed in Major States H1 2023



Aktiviti Pembinaan

Sejajar dengan sentiment berhati-hati di kalangan pemaju, aktiviti pembinaan kediaman agak perlahan pada separuh pertama 2023. Bilangan unit kediaman siap dibina, mula dibina dan penawaran baru dirancang masing-masing menurun 10.4% (28,412 unit), 1.2% (41,101 unit) dan 15.8% (31,139 unit) berbanding separuh pertama tahun lalu.

Selangor menyumbang bilangan siap dibina tertinggi, merangkumi 31.2% (8,874 unit) daripada jumlah keseluruhan nasional, diikuti oleh Perak (12.8%) dan WP Kuala Lumpur (12.7%). Pada akhir Jun 2023, terdapat kira-kira 6.13 juta unit kediaman sedia ada dan 0.40 juta unit perancangan akan datang dengan hampir 0.38 juta unit penawaran yang dirancang.


Construction Activity

In line with the cautious sentiment among developers, residential construction activity slowed down in the first half of 2023. The number of completions, starts and new planned supply decreased by 10.4% (28,412 units), 1.2% (41,101 units) and 15.8% (31,139 units) respectively against the first half last year.

Selangor contributed the highest number of completions, accounting for 31.2% (8,874 units) of the national total, followed by Perak (12.8%) and WP Kuala Lumpur (12.7%). As at end-June 2023, there were approximately 6.13 million existing residential units and 0.40 million in the incoming supply with nearly 0.38 million in the planned supply.

Chart 10

Residential Completion, Starts and New Planned Supply (NPS) H1 2021 – H1 2023



Pergerakan Harga

Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) terus meningkat pada trend yang sederhana. Pada Q2 2023^P, Indeks Harga Rumah Malaysia berada pada 212.3 mata, meningkat 2.2% secara tahunan. Walau bagaimanapun, mata indeks menurun 1.6% jika dibandingkan Q1 2023 (215.8 mata). Semua negeri mencatat pertumbuhan tahunan positif berbanding Q2 2022 kecuali Sarawak (-0.7%) dan Terengganu (-0.1%). Unit bertingkat tinggi merekodkan pertumbuhan tahunan tertinggi sebanyak 5.4%, disokong oleh kenaikan dua angka di kawasan Petaling (Selangor). Rumah teres dan berkembar masing-masing mencatatkan pertumbuhan 2.0% dan 0.2% manakala sesebuah mencatatkan sedikit penurunan pada 0.3%.

Price Movements

Malaysian House Price Index (MHPI) continued to increase at a moderating trend. As at Q2 2023^P, the MHPI stood at 212.3 points, up by 2.2% on annual basis. However, the index points decreased by 1.6% against Q1 2023 (215.8 points). All states recorded positive annual growth against Q2 2022 except for Sarawak (-0.7%) and Terengganu (-0.1%). High-rise units recorded the highest annual growth of 5.4%, supported by the double-digit increase in the Petaling area (Selangor). Terraced house and semi-detached recorded a growth of 2.0% and 0.2% respectively while detached recorded a slight decrease of 0.3%.

Chart 11

MHPI: Index Point, Annual and Quarterly Percentage Change Q1 2018 - Q2 2023^P




Chart 12

MHPI: Annual Percentage Change By State (Q2 2022 vs Q2 2023^P)





Chart 13

MHPI: Annual Percentage Change By Type Q1 2018 - Q2 2023^P



Sewa

Secara amnya, pasaran sewa kediaman berada dalam keadaan stabil di negeri utama dengan pergerakan menaik dicatatkan di kawasan tertentu yang disediakan dengan jalinan perhubungan yang cekap dan skim strategik yang berhampiran dengan pusat komersial, kompleks membeli-belah serta pusat bandar. Di WP Kuala Lumpur, pasaran sewa kediaman pada umumnya stabil dengan pertumbuhan sedikit untuk rumah teres di lokasi terpilih. Begitu juga Selangor menunjukkan tren stabil dengan Daerah Petaling, Klang dan Gombak menyaksikan sedikit pergerakan menaik bagi rumah teres dan kediaman bertingkat tinggi. Di Johor, pasaran sewa adalah stabil dengan pergerakan menaik untuk kondominium di Johor Bahru. Di utara, pasaran sewa di Pulau Pinang pada umumnya stabil dengan beberapa pergerakan menaik bagi rumah teres dan kediaman bertingkat tinggi di kebanyakan daerah. Eco Horizon (Fasa 1) menyaksikan teres dua tingkat memperoleh sewa RM3,200 sebulan.

Rental

Generally, residential rental market was on a stable mode with upward movements recorded in choice areas served with efficient connectivity and strategically located nearby commercial centres, shopping complex as well as city centre. In WP Kuala Lumpur, residential rental market was generally stable with marginal growth for terraced houses in selective locations. Similarly, Selangor show a stable trend with Petaling, Klang and Gombak Districts saw some upward movements for both terrace houses and high-rise residential. In Johor, the rental market was stable with upward movements for condominiums in Johor Bahru. Up north, the rental market in Pulau Pinang was stable generally with some mix movements for terrace houses and high rise residential in most districts. Eco Horizon (Phase 1) saw its double-storey terrace fetching rental of RM3,200 per month.

2.2 Harta Perdagangan

Transaksi


Terdapat 17,602 transaksi bernilai RM16.76 bilion dicatatkan, meningkat sebanyak 16.0% dalam bilangan dan 19.5% dalam nilai berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Semua negeri mencatatkan lebih banyak aktiviti pasaran dalam tempoh kajian kecuali WP Putrajaya, Perak and Sabah. Dari segi nilai transaksi, semua negeri mencatat peningkatan nilai kecuali lapan negeri mencatat penguncupan di WP Kuala Lumpur (-21.9%), WP Putrajaya (-76.1%), WP Labuan (-13.2%), Selangor (-5.7%), Perak (-3.9%), Kedah (-26.3%), Pahang (-13.4%) dan Kelantan (-1.1%) .

Selangor menyumbang bilangan dan nilai tertinggi kepada syer pasaran nasional, dengan 26.1% di dalam bilangan (4,590 transaksi) dan 26.5% dalam nilai (RM4.44 bilion); diikuti oleh Johor dengan 17.8% di dalam bilangan (3,138 transaksi) dan 15.7% di dalam nilai (RM2.63 bilion) dan WP Kuala Lumpur dengan 13.4% di dalam bilangan (2,356 transaksi) dan 15.4% di dalam nilai (RM2.58 bilion).

Chart 14

Commercial Transaction Volume Trend H1 2019 – H1 2023



2.2.1 Kedai

Transaksi

Segmen kedai mencatatkan 7,966 transaksi bernilai RM6.78 bilion, menguasai 45.3% daripada transaksi harta tanah perdagangan dan 40.5% daripada jumlah keseluruhan. Kedua-dua bilangan dan nilai masing-masing meningkat sebanyak 0.1% dan 4.0% berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu.

Johor dan Selangor menyumbang bilangan transaksi pasaran yang lebih tinggi kepada jumlah nasional, masing-masing dengan 20.6% (1,637 transaksi) dan

2.2 Commercial Property

Transaction


There were 17,602 transactions worth RM16.76 billion recorded, up by 16.0% in volume and 19.5% in value compared to the same period last year.

All states recorded more market activity in the review period except for WP Putrajaya, Perak and Sabah. In terms of transaction value, all states recorded higher value except 8 states which recorded contraction in WP Kuala Lumpur (-21.9%), WP Putrajaya (-76.1%), WP Labuan (-13.2%), Selangor (-5.7%), Perak (-3.9%), Kedah (-26.3%), Pahang (-13.4%) and Kelantan (-1.1%).

Selangor contributed the highest volume and value to the national market share, with 26.1% in volume (4,590 transactions) and 26.5% in value (RM4.44 billion); followed by Johor with 17.8% in volume (3,138 transactions) and 15.7% in value (RM2.63 billion) and WP Kuala Lumpur with 13.4% in volume (2,356 transactions) and 15.4% in value (RM2.58 billion).

Chart 15

Commercial Transaction Value Trend H1 2019 – H1 2023



2.2.1 Shop

Transaction

Shop segment recorded 7,966 transactions worth RM6.78 billion, dominating 45.3% of the commercial property transactions and 40.5% of the total value. Both volume and value increased by 0.1% and 4.0% respectively compared to similar period last year.

Johor and Selangor contributed higher market transaction volume to the national total, each with 20.6% (1,637 transactions) and 16.9% (1,347 transactions) market

16.9% (1,347 transaksi) syer pasaran. Kedai dua dan dua setengah tingkat menguasai 53.7% (4,280 transaksi) daripada syer pasaran kedai.

share. Two and two and a-half storey shops captured 53.7% (4,280 transactions) of the shops' market share.

Chart 16

Shop Transaction Volume Trend H1 2019 – H1 2023





Chart 17

Shop Transaction Value Trend H1 2019 – H1 2023



Status Pasaran


Siap dibina tidak terjual bagi subsektor kedai menurun pada H1 2023. Terdapat 6,362 unit bernilai RM5.62 bilion, menunjukkan penurunan 5.3% dalam bilangan dan 3.8% dalam nilai berbanding separuh tahun sebelumnya. Kedai dalam pembinaan belum terjual hampir tidak berubah pada 2,767 unit (H2 2022: 2,777 unit) manakala unit belum dibina belum terjual menunjukkan yang sebaliknya, meningkat sebanyak 39.2% (508 unit).

Market Status

Shop sub-sector overhang declined in H1 2023. There were 6,362 units worth RM5.62 billion, indicating a decrease of 5.3% in volume and 3.8% in value against the preceding half year. The unsold under construction almost unchanged at 2,767 units (H2 2022: 2,777 units) while and not constructed saw the reverse, up by 39.2% (508 units).

Chart 18

Shop Market Status H1 2021 – H1 2023



Aktiviti Pembinaan

Dari segi penawaran, aktiviti pembinaan mencatatkan penurunan dalam siap dibina, turun 19.4% kepada 1,427 unit manakala mula dibina dan penawaran baharu dirancang, masing-masing naik 27.4% kepada 1,618 unit dan 0.9% kepada 1,280 unit berbanding tempoh yang


Construction Activity

On the supply front, construction activity recorded a decrease in completion, down by 19.4% to 1,427 units while starts and new planned supply, each up by 27.4% to 1,618 units and 0.9% to 1,280 units against similar period last year. As end of June 2023, there were more

sama tahun lalu. Pada akhir Jun 2023, terdapat lebih dari 549,000 kedai sedia ada dengan lebih dari 25,000 unit dalam penawaran akan datang dan lebih daripada 28,000 unit dalam penawaran dirancang. Kedai dua dan dua setengah tingkat adalah dominan di semua peringkat pembangunan.

than 549,000 existing shops with more than 25,000 units in the incoming supply and more than 28,000 units in the planned supply. Two to two and a-half storey shops were dominant across all development stages.

Chart 19
Shops Completion, Starts & New Planned Supply (NPS) H1 2021 – H1 2023



Harga

Harga kedai menunjukkan prestasi yang bercampur. Di WP Kuala Lumpur, harga kedai tiga di Taman Tun Dr. Ismail menurun 10.1% kepada RM4.48 juta. Di Selangor, kedai tiga tingkat di USJ 10, Subang Jaya mencatatkan peningkatan sebanyak 10.2% kepada RM3,500,000. Di Johor, kedai dua tingkat di Taman Intan, Kluang dan Pusat Komersial Sri Utama, Segamat masing-masing meningkat 10.2% dan 8.3% kepada RM540,000 dan RM650,000. Walau bagaimanapun, kedai yang sama di Taman Sri Skudai dan Taman Skudai Baru, Johor Bahru masing-masing menurun 9.8% dan 6.4%. Kedai tiga tingkat di Taman Ungku Tun Aminah juga mencatat penurunan 8.3%, antara RM1.50 juta hingga RM1.54 juta. Di Pulau Pinang, kedai sebelum perang dipindah milik di antara RM750,000 hingga RM4,100,000 bergantung kepada lokasi dan keluasan tanah.

Price

Prices of shop showed mixed performance. In WP Kuala Lumpur, the prices of three-storey shop in Taman Tun Dr. Ismail decreased by 10.1% to RM4.48 million. In Selangor, three-storey shop in USJ 10, Subang Jaya recorded an increase of 10.2% to RM3,500,000. In Johor, two-storey shops in Taman Intan, Kluang and Pusat Komersial Sri Utama, Segamat increased by 10.2% and 8.3% to RM540,000 and RM650,000 respectively. However, similar shops in Taman Sri Skudai and Taman Skudai Baru, Johor Bahru decreased by 9.8% and 6.4% respectively. Three-storey shops in Taman Ungku Tun Aminah also recorded a decrease of 8.3%, ranging from RM1.50 million to RM1.54 million. In Pulau Pinang, pre-war shops were transferred between RM750,000 to RM4,100,000 depending on location and land area.

Sewa

Penyewaan kedai di tingkat bawah umumnya stabil. Di WP Kuala Lumpur, sewa kedai tingkat bawah kekal tinggi di Changkat Bukit Bintang dari RM22,000 hingga RM30,000 sebulan. Kedai di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Ipoh merekodkan penurunan masing-masing sebanyak 11.3% dan 6.8%.

Rental

The ground-floor shop rentals were generally stable. In WP Kuala Lumpur, ground floor shop rents remained high in Changkat Bukit Bintang from RM22,000 to RM30,000 per month. Shops at Jalan Tuanku Abdul Rahman and Jalan Ipoh recorded a decrease of 11.3% and 6.8% respectively.

Di Selangor, sewa kekal stabil dengan Daerah Petaling, Gombak dan Hulu Selangor menunjukkan pergerakan bercampur. Batu Caves Centrepoint dan Taman Melawati

In Selangor, rents remained stable with Petaling, Gombak and Hulu Selangor District saw mixed movements. Batu Caves Centrepoint and Taman Melawati recorded an

mencatatkan pertumbuhan masing-masing sebanyak 10.3% dan 8.8%. Pekan Rawang dan Rawang Intergated mengalami sedikit penurunan di antara 4.5% hingga 6.4% dengan sewa dalam lingkungan RM2,000 hingga RM2,200 sebulan.

Di Johor Bahru, sewa kedai di tingkat bawah adalah stabil di kawasan utama pusat bandar, sementara di Jalan Wong Ah Fook dan Jalan Station kekal tinggi pada RM6,900 hingga RM14,000 sebulan. Sewa meningkat bagi unit dengan luas lantai lebih besar masing-masing sebanyak 6.7% dan 5.2%.

Di Pulau Pinang, sewa kedai tingkat bawah adalah stabil kecuali di luar pusat bandar yang menunjukkan pergerakan bercampur. Kedai baharu dengan reka bentuk moden seperti Elevate @ Gravitas dan Juru Sentral mencatatkan harga sewa yang tinggi di antara RM5,000 hingga RM10,000 sebulan.

increase of 10.3% and 8.8% respectively. Pekan Rawang and Rawang Intergated experienced slight decrease of 4.5% to 6.4% with rental ranging from RM2,000 to RM2,200 per month.

In Johor Bahru, ground floor shop rents were stable in the central town prime area, while Jalan Wong Ah Fook and Jalan Station remained high at RM6,900 to RM14,000 per month. Rental increased slightly for larger floor area unit in Taman Mount Austin and Taman Austin Perdana by 6.7% and 5.2% respectively.

In Pulau Pinang, ground floor shop rents were stable except outside city center showing a mixed movement. New shops with modern designs such as the Elevate @ Gravitas and Juru Sentral recorded high rental rates ranging from RM5,000 to RM10,000 per month.

2.2.2 Pangsapuri Khidmat

Transaksi

Subsektor pangsapuri khidmat merekodkan 4,616 transaksi bernilai RM2.93 bilion, membentuk 26.2% daripada jumlah transaksi harta tanah perdagangan dan 17.5% daripada nilai. Prestasi pasaran merekodkan peningkatan bilangan transaksi 60.3% dan nilai transaksi 56.9% berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. WP Kuala Lumpur dan Selangor menyumbang jumlah pasaran yang lebih tinggi, masing-masing dengan syer 34.9% (1,610 transaksi) dan 30.9% (1,426 transaksi).

2.2.2 Serviced Apartment

Transaction

Serviced apartment sub-sector recorded 4,616 transactions worth RM2.93 billion, formed 26.2% of the commercial property transactions volume and 17.5% of the value. Market performance recorded an increase of 60.3% in volume and 56.9% in value compared to similar period last year. Selangor and WP Kuala Lumpur contributed higher market volume, each with 34.9% (1,610 transactions) and 30.9% (1,426 transactions) market share.

Chart 20

Serviced Apartment Transaction Volume Trend H1 2019 – H1 2023





Chart 21

Serviced Apartment Transaction Value Trend H1 2019 – H1 2023



Status Pasaran

Subsektor pangsapuri khidmat mencatatkan 22,497 unit siap dibina tidak terjual dengan nilai RM19.13 bilion, menunjukkan penurunan 6.2% dan 5.2% di dalam bilangan dan nilai transaksi berbanding H2 2022. Begitu juga, dalam pembinaan belum terjual mencatat 29,528

Market Status

Serviced apartment sub-sector recorded 22,497 overhang units with a value of RM19.13 billion, indicating a decrease of 6.2% and 5.2% in volume and value respectively against H2 2022. Likewise, the unsold under construction recorded 29,528 units,

unit, menurun kepada 10.8%. Johor mencatat unit siap tidak terjual tertinggi di dalam negara dengan 59.4% (13,366 unit), diikuti oleh WP Kuala Lumpur dan Selangor, masing-masing dengan 24.2% (5,450 unit) dan 12.0% (2,689 unit) syer. Lingkungan harga RM500,000 hingga RM1 juta (14,784 unit) membentuk 65.7% manakala harga melebihi RM1 juta membentuk 22.8% (5,137 unit) daripada jumlah keseluruhan unit siap dibina tidak terjual.

